MAJLIS SUKAN NEGERI PERLIS

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri) di Negeri Perlis dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih **SAH** dalam Gred dan Kod Bidang yang berkaitan. Sebut harga yang ditawarkan oleh Majlis Sukan Negeri Perlis adalah seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	GRED & KOD BIDANG	TEMPOH IKLAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP IKLAN
MSNPs (S) 16 /2026	Cadangan Kerja - Kerja Menaik Taraf Gelanggang Futsal Di Kampung Rambai	Gred: G1 Kategori: CE Pengkhususan:CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)	5 November 2026 (Khamis) hingga 16 November 2026 (Isnin)	16 November 2026 (Isnin) Jam 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen sebut harga boleh didapati di Pejabat Majlis Sukan Negeri Perlis dengan **kadar bayaran RM20.00 (G1) MULAI PADA 10 NOVEMBER 2026 (SELASA).** Pembayaran perlulah dibuat **secara TANPA TUNAI** melalui portal ebayar.perlis.gov.my di pautan rasmi (https://ebayar.perlis.gov.my/#/payment) kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis mulai tarikh iklan sebut harga dibuka. Salinan resit hendaklah dikemukakan semasa pengambilan dokumen sebut harga dan tiada bayaran yang diterima secara tunai dan wang tidak akan dikembalikan.

2. Hanya satu (1) dokumen sebut harga sahaja dikeluarkan kepada setiap penyebut harga bagi setiap kerja. Sila bawa bersama **cop rasmi syarikat** berserta **dokumen asal** berkaitan (bagi tujuan pengesahan) semasa proses pembelian dokumen sebut harga. Dokumen asal tersebut adalah:
    i. Kad Pengenalan;
    ii. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB (PPK);
    iii. Sijil Taraf Bumiputera (STB);
    iv. Sijil Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan (SSM); dan
    v. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

3. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (*seal)* dan bertulis dengan nombor sebut harga di sebelah kiri atas sampul surat serta di tengahnya ditulis tajuk sebut harga serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Unit Pengurusan dan Kewangan Majlis Sukan Negeri Perlis, Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, 01000 Kangar, Perlis **sebelum atau pada 16 November 2026 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.**

4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebut harga ini bolehlah diajukan kepada Urus Setia Sebut Harga di talian **04-9767406.**

MAJLIS SUKAN NEGERI PERLIS
KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA 01000 KANGAR, PERLIS